

Bukan kerana politik: PM

# Siasat setiap kesalahan

18 - 1 DEC 1989

**KOK LANAS, Khamis** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa sahaja jika mereka melakukan kesalahan.

"Saya mahu beritahu semua pihak, di mana-mana juga mereka berada, kalau mereka salah, kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan," tegas beliau.

Katanya, tindakan itu bukan kerana kepentingan politik atau menggunakan kuasa kerajaan bagi kepentingan sesuatu parti tetapi kerana kepentingan pentadbiran negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berucap melancarkan penubuhan jentera pilihanraya peringkat negeri Kelantan di Dewan Politeknik Kota Bharu, di sini petang ini.

"Jangan tuduh tindakan itu diambil kerana politik, kalau tidak salah tindakan tidak akan diambil. Jika ada siasatan terhadap sesiapa itu bermakna ada kesalahan dilakukan," katanya.

Perdana Menteri berkata, tidak kira sama ada yang melakukan kesalahan itu daripada parti kerajaan atau lawan, kerajaan akan tetap menjalankan tugas-tugasnya seperti dikehendaki undang-undang.

"Saya tahu ada orang buat salah dan berpendapat mereka boleh dapat keuntungan politik jika kerajaan menyelidik mereka," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka membuat dakwaan kononnya jika kerajaan mengambil tindakan ke atas mereka, ia kerana kepentingan politik. Dakwaan itu bertujuan agar kerajaan tidak mengambil tindakan ke atas mereka.

Bagaimanapun tegas beliau, kerajaan akan tetap mengambil tindakan walaupun tindakan itu akan menjadikan kerajaan tidak popular.

"Mereka juga harus ingat tindakan itu bukan kerana pilihanraya. Kita sedar kadang-kadang tindakan itu akan menimbulkan kemarahan sesetengah orang dan menganggunya penindasan politik.

"Tetapi tugas dan urusan pentadbiran negara mesti dilaksanakan walaupun kita jadi tidak popular," tegas beliau.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa kerajaan sanggup melakukan apa sahaja untuk keamanan negara tetapi tidak rela diugut.

Oleh NORHAYATI  
MD SAID

"Kita tidak takut mengambil tindakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan.

"Walaupun kita mahukan kestabilan dan kemakmuran tetapi tidak rela diugut oleh sesiapa juga. Mereka mengugut, jika kita tidak beri sesuatu, mereka akan menyebabkan kestabilan terancam," katanya.

Beliau berkata, jangan sangka kerana terlalu mahukan keamanan, kemakmuran kerajaan tidak akan bertindak.

"Kita tidak terikat kepada sesiapa kerana mahukan keadilan dan Umno adalah parti yang boleh tentukan keadilan kepada semua pihak," katanya.

Sehubungan itu beliau meminta orang Melayu supaya bersatu dan menyokong Umno. Orang bukan Melayu juga mesti menyokong kerajaan demi kepentingan bersama.

"Kita mahu memerintah negara dengan cara yang adil. Kerana itu rakyat harus tahu memilih parti yang adil untuk memerintah negara," katanya.

Beliau berkata Umno berjanji memerintah negara dengan adil dan Umno tidak mahu membangkitkan masalah dengan membuat tuduhan palsu.

"Setiap apa yang diperkatakan ada bukti. Kalau kita kata Pas tidak berjuang untuk Islam, kita ada bukti. Begitu juga jika kita kata Semangat 46 berjuang untuk kepentingan diri juga ada buktinya," katanya.